

## **SHELL SECRET HUT: MASKER WAJAH KULIT TELUR**

**Nor Farahain Dzulkafli\*, Rozana Abd Rahman, Mekaasri Vengadasamy,  
Mathialagi Saravanan, Nur Adilla Najiha Marzuki**

Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Hi-Tech Park,  
09000 Kulim, Kedah, Malaysia

\*Corresponding author email address: norfarahain@ptsb.edu.my

### **ABSTRAK**

Projek ini memfokuskan kepada penciptaan produk kosmetik yang menggunakan bahan sisa dan tumbuhan semulajadi sebagai ramuan utama. Projek perniagaan ini dilaksanakan untuk menambah nilai kulit telur daripada sisa buangan menjadi bahan utama masker muka. Hasil gabungan bahan semula jadi iaitu kulit telur, temulawak dan tepung beras berjaya menghasilkan produk kosmetik bebas bahan kimia yang dinamakan *Shell Secret Hut*. Metodologi yang digunakan dalam penciptaan inovasi ini adalah dengan menggunakan *Design Thinking Model* bagi menghasilkan ciptaan baharu dan seterusnya membantu pengkaji menyelesaikan masalah yang dihadapi. Selain itu, pengkaji telah memperoleh hasil dapatan kajian tentang produk ini melalui dua kaedah iaitu soal selidik dan penilaian pakar. Soal selidik dalam bentuk Google Forms diedarkan kepada 70 responden untuk menerima maklum balas daripada orang awam. Selain itu, sesi penilaian pakar bersama dua orang yang berpengalaman iaitu usahawan dan pensyarah dalam bidang spa dan kecantikan. Projek ini mengetengahkan konsep hijau dalam penghasilan produk ini. Produk ini merupakan 100% menggunakan sumber bahan semula jadi. Ianya juga telah menjalani ujian di makmal dan terbukti bebas daripada bahan kimia. Penggunaan bahan kosmetik daripada bahan semulajadi adalah lebih selamat berbanding produk yang mengandungi bahan kimia. Hasil daripada tinjauan juga mendapati, pengguna berpendapat produk ini bagus dan berpotensi untuk dipasarkan.

**Kata kunci:** Kulit telur, kecantikan, masker muka, bahan semula jadi.

### **1. Pengenalan**

Secara umumnya, wanita daripada pelbagai peringkat umur daripada remaja hingga dewasa dan sama ada bekerjaya atau suri rumah, suka tampil menawan dan cantik di khalayak ramai. Namun, persoalan yang sering timbul bagi para pengguna barang kosmetik adalah mengenai isu keselamatan berkenaan bahan produk kecantikan yang digunakan. Menurut Mohd Rafie Azimi [1], lebih RM324,200 produk telah dirampas oleh pihak KKM pada Mac 2022 yang lalu kerana tidak berdaftar dan juga produk kosmetik yang mengandungi bahan yang dicemari racun. Antara bahan racun yang sering terkandung dalam produk kecantikan ialah hidrokuinon. Oleh itu, pengguna perlu peka dan bertanggungjawab untuk mencari produk yang berkualiti dan selamat untuk kegunaan harian.

Kesan daripada isu ini, pengkaji berusaha menghasilkan suatu produk yang 100% berasaskan bahan semulajadi. Dalam konteks inovasi ini, projek ini menfokuskan

penggunaan kulit telur dalam menghasilkan masker muka. Penggunaan kulit telur yang dibuang selepas digunakan dalam masakan memberi idea kepada pengkaji untuk memberi nilai tambah kepada kulit telur. Kulit telur mempunyai 95% kalsium karbonat atau sekitar 2 gram kalsium serta mengandungi protein dan mineral lain seperti magnesium, selenium dan sebagainya. Kandungan yang dimiliki kulit telur ini mampu membuat kulit wajah nampak sihat dan mulus [3]. Di samping menghasilkan produk kosmetik yang berasaskan bahan semula jadi, pengkaji juga mensasarkan untuk membantu mengurangkan pembaziran kulit telur. Kesedaran pengkaji mengenai isu alam sekitar yang melanda negara kini menjadi titik tolak kepada penghasilan masker muka daripada sisa bahan makanan iaitu kulit telur. Selain itu, ia juga menjadi satu usaha menerapkan konsep teknologi hijau dalam menghasilkan sesuatu produk. Kulit telur mempunyai banyak khasiat untuk kecantikan kulit wajah seseorang. Kulit telur yang dijadikan masker untuk kecantikan wajah dapat mencegah penuaan, mencerahkan kulit wajah [8]. Hal ini menjadi keyakinan kepada pengkaji untuk mengetengahkan kulit telur sebagai bahan utama menghasilkan masker wajah. Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan satu produk kecantikan yang berasaskan kulit telur yang bernama *Shell Secret Hut* yang melembabkan dan mencerahkan kulit muka kita. Seterusnya untuk menilai keberkesanan produk *Shell Secret Hut* melalui penilaian soal selidik dan penilaian pakar.


## 2. Metodologi

*Design Thinking* merupakan satu kaedah untuk mendapatkan idea tersusun yang menjadi satu dasar dalam pemikiran inovasi. Sebelum sesuatu inovasi itu dihasilkan, ia perlu melalui antaranya *Design Thinking* supaya produk yang direka cipta itu menjadi keperluan dan hasil daripada produk ini berguna untuk pelbagai lapisan masyarakat. Model ini dicipta oleh Gerd Waloszek yang mempunyai 5 peringkat. Peringkat pemikiran tersebut adalah *emphaty, define, ideate, prototype* dan *test*. Model ini boleh dijadikan sebagai satu alat untuk mengukur keperluan inovasi. Rajah 1 menunjukkan *Design Thinking Mode*.

### a) Empati (*Empathy*)

Fasa pertama proses *Design Thinking* yang dijalankan oleh produk *Shell Secret Hut* adalah mengenali pengguna dalam penggunaan kosmetik melalui pemerhatian. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, di era ini lambakan produk ‘timbang kilo’ yang mengandungi bahan kimia yang berbahaya menjadi pilihan ramai pengguna. Menurut Nurul Izzah Khalib [9], masih ramai lagi pengguna yang terpedaya dengan produk timbang kilo ini walaupun produk ini mampu memberi kemudaratkan kepada kesihatan mereka. Hal ini kerana produk kecantikan ini mengandungi bahan-bahan terlarang seperti merkuri, hidrokuinon dan tretinojin dalam pembuatannya. Penjagaan kulit wajah amat penting bagi semua orang. Kulit wajah yang cantik memberi banyak manfaat kepada kesihatan dan keyakinan dalam diri sendiri. Terdapat sesetengah golongan pengguna yang kurang mempunyai maklumat untuk memilih produk kosmetik yang organik dan sesuai untuk kulit wajah mereka. Selain itu, masalah pencemaran daripada sisa buangan bahan makanan yang makin meruncing di Malaysia menjadi pemangkin kepada pengkaji untuk mencari alternatif bagi membantu mengurangkan kadar jumlah buangan sisa makanan. Oleh itu, penggunaan kulit telur sebagai masker wajah dapat mengurangkan

pembuangan sisa makanan dan dapat menghasilkan masker muka yang organik.



Rajah 1. Proses *Design Thinking*

b) Mengenal Pasti Masalah (*Define*)

Fasa kedua *Design Thinking Model* ialah mengenal pasti masalah iaitu dengan mencari penyelesaian kepada masalah yang sedia ada. Pengkaji mendapati bilangan produk kecantikan yang berasaskan 100% daripada bahan semula jadi yang mampu milik masih kurang dalam pasaran. Kebanyakan produk kecantikan yang ada di pasaran mengandungi bahan kimia yang mampu memberi kesan mudarat kepada pengguna dalam jangka masa panjang penggunaanya [1]. Dalam masa yang sama, lambakan sisa bahan makanan iaitu kulit telur dapat dikurangkan sekiranya kulit telur ini diberikan nilai tambah dalam penciptaan produk baharu [3].

c) Penjanaan Idea (*Ideate*)

Fasa ketiga melibatkan penjanaan idea. Pada peringkat ini usaha penghasilan prototaip produk masih dikenal pasti. Pemilihan bahan dalam menghasilkan produk kosmetik yang 100% bebas bahan kimia serta boleh memberikan impak positif kepada pengguna giat diusahakan pengkaji. Penggunaan bahan yang mudah didapati dan proses pembuatan yang mudah mampu mengurangkan kos penghasilan produk *Shell Secret Hut*. Kebaikan kulit telur yang mempunyai banyak sumber kalsium mampu menyelesaikan masalah kulit wajah yang dihadapi pengguna. Bagi memastikan produk inovasi ini mampu memberi kesan yang lebih baik kepada pengguna, pengkaji telah memilih untuk menambah bahan-bahan semula jadi yang lain iaitu temulawak dan beras yang

disangai. Kebaikan yang ada pada bahan-bahan semula jadi ini memberi nilai tambah kepada produk *Shell Secret Hut* dalam menyelesaikan masalah kulit wajah seperti jerawat, bintik hitam dan jeragat. Bekas yang dipilih juga perlu sesuai dengan konsep bahan dan produk yang dihasilkan.

d) **Prototaip (*Prototype*)**

Pada fasa ini, prototaip dibangunkan untuk menguji idea dan diuji keberkesanannya. Prosedur menghasilkan produk adalah seperti di rajah 2 dan 3. Proses diperingkat ini, dirancang dan dilaksanakan dengan teliti supaya ia dapat menghasilkan produk yang berkualiti, selamat dan menerapkan konsep hijau. 30 bekas seberat 10 mg telah dihasilkan untuk dijadikan sampel. Menurut Puan Rohani binti Salleh, 66 tahun, selepas penggunaan *Shell Secret Hut* secara kerap, ia berhasil mengurangkan masalah jeragat dan menjadikan tekstur kulit wajah menjadi halus dan lembut. Maklum balas daripada responden yang lain juga dapat meyakinkan pengkaji bahawa prototaip yang dihasilkan sesuai untuk meneruskan kajian ini.

e) **Uji (*Test*)**

Peringkat ini merupakan satu tahap yang sangat penting di mana kita dapat mengetahui sama ada idea kita dapat menyelesaikan masalah pengguna yang ditemui semasa peringkat empati. Sampel produk ini telah diserahkan kepada Makmal KBioCorp di Kulim Hi Tech Park. Hasilnya, produk ini selamat untuk digunakan kerana ia tidak mengandungi merkuri, bahan kimia dan plumbum. Beberapa responden juga memberikan respon positif setelah mencuba sampel produk.




Rajah 2. Prosedur menghasilkan *Shell Secret Hut*

Rajah di atas menunjukkan prosedur menghasilkan *Shell Secret Hut*. Kulit telur merupakan bahan asas yang paling utama. Oleh itu proses menghasilkan serbuk daripada kulit telur perlu dilakukan dengan teliti. Beberapa langkah perlu dilakukan seperti proses mengumpul, merendam, mencuci, mengering dan mengisar kulit telur sehingga halus supaya ia selamat dan sesuai dijadikan masker muka. Seterusnya serbuk kulit telur akan dicampurkan bersama bahan-bahan kisar yang lain. Langkah-langkah penyediaan *Shell Secret Hut* yang lebih terperinci diterangkan dalam rajah di bawah.

<b>LANGKAH PERTAMA</b>		Menyediakan barang-barang yang diperlukan iaitu kulit telur, pengisar kering, penapis tepung, bekas bertutup, temulawak dan beras yang sudah disangai.
<b>LANGKAH KEDUA</b>		Mencuci kulit telur sehingga bersih lalu dikeringkan. Setelah kering, masukkan kulit telur di dalam pengisar kering dan kisar sehingga halus.
<b>LANGKAH KETIGA</b>		Tapiskan serbuk kulit telur yang dikisar tadi dengan penapis ke dalam talam. Kemudian kisar kali kedua untuk mendapatkan serbuk kulit telur yang halus.
<b>LANGKAH KEEMPAT</b>		Kisar temulawak yang sudah kering dan beras yang disangai sehingga halus.
<b>LANGKAH KELIMA</b>		Kemudian satukan kesemua bahan kisar ke dalam bekas bersih. Seterusnya, agihkan ke dalam bekas mengikut berat yang ditetapkan. <i>Shell Secret Hut</i> siap disediakan.

Rajah 3. Proses Penghasilan *Shell Secret Hut*

Rajah 4. Analisis SWOT *Shell Secret Hut*

### 3. Hasil dan Perbincangan

#### 3.1 Analisis Data

Hasil dapatan bagi kajian tentang produk *Shell Secret Hut* ini telah diperoleh melalui dua kaedah iaitu soal selidik dan penilaian pakar. Soal selidik dalam bentuk Google Forms diedarkan kepada 70 responden untuk menerima maklum balas daripada orang awam. 30 bekas *Shell Secret Hut* juga disediakan untuk digunakan responden. Responden telah diberi peluang untuk mencuba produk ini selama satu bulan. Selain itu, sesi penilaian pakar bersama dua orang yang berpengalaman iaitu usahawan dalam bidang perniagaan spa dan kecantikan dan pensyarah dalam bidang terapi kecantikan dan spa.

##### 3.1.1 Soal Selidik Serbuk Masker *Shell Secret Hut*

#### Bahagian A

Bahagian ini menunjukkan demografi responden. Penggumpulan data demografi daripada responden bertujuan untuk mengkaji latar belakang responden dari aspek jantina, umur, pekerjaan, pendapatan dan perbelanjaan bulanan responden untuk produk kosmetik.

**Jadual 1. Demografi Responden**

Item	Perkara	Frekuensi	Purata
Umur	18 -22	42	60%
	23-27	13	18.6%
	28-32	5	7.1%
	33+	10	14.3%
	<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100%</b>
Bangsa	Melayu	31	44.3%
	Cina	7	10%
	India	32	45.7%
	<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100%</b>
Perkerjaan	Kerajaan	4	5.7%
	Swasta	20	28.6%
	Pelajar	42	60%
	Tidak bekerja	4	5.7%
	<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100%</b>
Pendapatan	Rm 1000	24	34.3%
	Rm 1001-3000	19	27.1%
	Rm 3001 ke atas	1	1.4%
	Tiada pendapatan	26	37.1%
	<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100%</b>
Perbelanjaan untuk kosmetik	10% - 20%	46	65.7%
	21% - 30%	18	25.7%
	31%	6	8.6%
	<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100%</b>

## Bahagian B

Bahagian ini menerangkan mengenai pandangan responden dengan produk *Shell Secret Hut*. Bahagian ini mempunyai tiga bahagian iaitu persepsi, penerimaan dan keberkesaan produk yang digunakan dalam rekaan produk *Shell Secret Hut* ini. Setiap pernyataan soal selidik ini perlu dijawab oleh responden dengan memilih skala likert antara 1 hingga 5.

**Jadual 2. Kategori skor yang digunakan di dalam kajian**

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

### 3.1.2 Maklumbalas Keberkesanan Produk Inovasi *Shell Secret Hut*

Jadual 3. Purata Keseluruhan Soal Selidik

BIL	PERKARA	SKOR MIN
1	Saya menjadikan penjagaan kulit wajah sebagai rutin harian.	4.34
2	Saya mengalami masalah kulit wajah.	3.59
3	Saya memakai masker muka sebagai rutin penjagaan kulit wajah.	4.04
4	Saya mengetahui kewujudan produk penjagaan kulit wajah berasaskan bahan semulajadi bagus untuk digunakan	4.54
5	Saya mengetahui produk kecantikan berasaskan bahan semulajadi ada dijual di pasaran.	4.56
6	Saya mengetahui kelebihan produk penjagaan kulit wajah berasaskan bahan semulajadi.	4.57
7	Saya mengetahui khasiat dan kelebihan kegunaan kulit telur dalam produk penjagaan kulit muka.	4.27
8	Saya mengetahui penggunaan kulit telur dapat mengelakan pembaziran & menepati konsep hijau.	4.34
9	Saya berminat untuk mencuba produk <i>Shell Secret Hut</i> (masker kulit wajah yang berasaskan dari kulit telur).	4.41
10	Saya yakin bahawa produk masker muka ini menggunakan bahan semulajadi dan merupakan produk mesra alam.	4.47
11	Saya lebih gemar menggunakan produk <i>Shell Secret Hut</i> yang diperbuat dari bahan semulajadi.	4.43
12	Saya tidak menyukai produk penjagaan kulit muka yang menggunakan bahan kimia.	4.44
13	Saya percaya bahawa produk <i>Shell Secret Hut</i> ini selamat digunakan dan menyelesaikan masalah kulit muka.	4.43
14	Saya yakin bahawa produk <i>Shell Secret Hut</i> yang diperbuat dari bahan semulajadi dapat menyelesaikan masalah kulit wajah saya.	4.81

Berdasarkan jadual di atas, ia menunjukkan keseluruhan purata min bagi setiap item. Hasil analisis ini mendapati bahawa kesemua item mempunyai nilai min ditahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju produk berasaskan bahan semulajadi adalah selamat dan sesuai digunakan. Item min paling rendah adalah sebanyak 3.59. Ini menunjukkan kebanyakan responden (60% adalah lingkungan umur 18 hingga 22 tahun) tidak mengalami masalah kulit wajah. Manakala item keyakinan responden terhadap produk *Shell Secret Hut* yang diperbuat dari bahan semulajadi mendapat min tertinggi iaitu sebanyak 4.81. Ini membuktikan bahawa responden memberi maklum balas yang positif terhadap produk *Shell Secret Hut* kerana mereka dapat menerima dan yakin dengan produk ini.

### 3.2 Keputusan dan Penilaian Pakar

Sesi temubual bersama dua orang penilai telah dijalankan bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang industri produk kecantikan. Antara kandungan temubual yang dijalankan adalah berkenaan dengan penerimaan prospek, isi kandungan, perlantakan harga, pembungkusan serta

potensi produk *Shell Secret Hut* untuk berkembang maju setanding dengan produk penjagaan muka lain yang ada di pasaran.

Pakar penilai pertama merupakan Pn. Nor Faizah binti Hassan. Beliau merupakan seorang pensyarah daripada Kolej Komuniti Sungai Petani yang mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang terapi kecantikan dan spa. Beliau berpandangan bahawa kulit telur ini sesuai dijadikan produk inovasi namun bergantung kepada jenis kulit pengguna. Beliau percaya produk kecantikan yang berasaskan bahan alam semulajadi lebih baik daripada produk yang mengandungi bahan kimia. Pn. Nor Faizah juga menekankan bahawa hasil inovasi ini juga mampu memberi impak positif kepada alam sekitar secara amnya. Hasil ujian makmal telah membuktikan produk ini selamat digunakan dan boleh diketengahkan. Beliau percaya produk inovasi ini akan menerima sambutan sekiranya pengguna mempunyai kesedaran mengenai kebaikan produk berasaskan bahan semulajadi. Oleh itu, beliau menasihatkan supaya penekanan kepada teknik pemasaran dan pengenalan produk inovasi ini perlu diperluaskan kepada pengguna.

Seterusnya, pakar penilai kedua adalah Pn. Nur Musliani Mustafa. Beliau merupakan usahawan spa dan kecantikan daripada Srinita Spa & Boutique, Kulim Avenue, Kedah. Beliau mempunyai 15 tahun pengalaman di dalam bidang kecantikan. Pada pandangan beliau, kulit telur ini boleh dijadikan produk inovasi untuk kecantikan kerana ia masih baru di dalam pasaran. Beliau percaya produk inovasi ini yang berasaskan bahan semulajadi dan tidak dicampur bahan kimia lebih selamat digunakan oleh pengguna. Bagi pengguna yang mempunyai struktur kulit kering, beliau mengesyorkan pengguna boleh mencampurkan madu dan air mawar untuk memperolehi kesan yang lebih baik.

Jelasnya, penilai bersetuju masker berasaskan kulit telur ini mempunyai potensi baik untuk diperluaskan lagi. Mereka yakin dengan teknik pemasaran yang berkesan, produk ini boleh dipasarkan dan mendapat sambutan.

#### **4. Kesimpulan**

Hasil dari projek ini, maka terhasil satu masker wajah yang berasaskan kulit telur yang kebiasaannya dibuang, tetapi telah diadunkan dengan bahan semulajadi yang lain. Matlamat projek ini adalah untuk menghasilkan masker wajah daripada bahan organik. Berdasarkan testimoni ianya selamat digunakan dan memberikan kesan yang baik kepada pengguna. Secara keseluruhannya, objektif *Shell Secret Hut* telah berjaya dicapai dan dihasilkan dengan baik dalam memenuhi keperluan masyarakat kini. Ia telah dihasilkan sebagai satu produk yang menggunakan 100% bahan semulajadi dan mampu memberi kesan yang baik dan membaik pulih kulit wajah seseorang. Produk inovasi ini dapat melestarikan alam sekitar dengan amalan hijau serta memberi impak positif bagi menyelesaikan isu pencemaran alam sekitar. Produk ini mempunyai potensi untuk dikomersialkan di dalam pasaran. Berdasarkan kajian ini juga menunjukkan bahawa, pada masa akan datang sisa bahan makanan seperti kulit telur boleh dipelbagaikan lagi kegunaan dengan memberi nilai tambah dalam pelbagai bentuk inovasi. Pengkaji mendapati serbuk kulit telur boleh dikomersialkan penggunaannya di dalam pasaran dengan menambah pelbagai variasi dan pakej produk. Namun, kesedaran pengguna terhadap khasiat kulit telur di dalam penggunaan produk kosmetik perlu diperluas lagi.

## Rujukan

- [1] Azimi, M. R. (20 April, 2022). KKM Rampas Produk Farmaseutikal Kosmetik Tidak Berdaftar. *Kosmo*. Kuala Lumpur
- [2] Ed.D, S. S. (2018). *METODOLOGI PENYELIDIKAN Sains Sosial dan Kemanusiaan CARA MUDAH*. Klang, Selangor: DSS Publishing Enterprise.
- [3] Jaclyn, D. A. (30 Mei, 2022). 5 Manfaat Kulit Telur dan Cara Mengolahnya, Jangan Dibuang! *Indonesia*
- [4] Karyanto, Y. A. (2022). Penentuan Efektivitas Dari Air Beras, Ketimun, Dan Air MAwar Sebagai Toner Kulit Berminyak. *Jurnal Teknik UNIPA*, 24-31
- [5] Lestari, D. A. (10 Disember, 2020). Bagaimana Cara Membuat Masker Beras untuk Kulit Cerah Memesona? *Indonesia*
- [6] Nurjannah, A. (2020). Pengaruh Jumlah Tepung Telur Terhadap Sifat Fisik Wajah Daun Kelor. *e-Journal. Volume 08 Nomer III (2009), edisi Yudisium 1 tahun 2020*, 90-97
- [7] Omar, A. (7 November, 2018). Kehebatan kunyit dalam kecantikan wajah dan kulit anda. *Berita MediaCorp*. Singapura
- [8] Purwaningrum, A. (3 September, 2018). Manfaat Cangkang Telur Bagi Kecantikan Kulit Mampu Cegah Penuaan Sampai Mencerahkan Wajah. *Travel Tribunnews*. Jakarta
- [9] N. I. Khalib, "Waspada produk kecantikan 'timbang kilo' bawa risiko besar kesihatan kepada pengguna," *DagangNews.com*, 2022. Retrieved from [www.dagangnews.com](http://www.dagangnews.com). (Accessed 12 June 2022)